



PGT 203

KEMAHIRAN KOMUNIKASI & INTERPERSONAL GURU

SIDANG AKADEMIK 2018/ 2019

SEMESTER 2



**NAMA:** NURUL FIKRAH BNTI AZIZ  
**NO MATRIK:** 141428  
**EMAIL:** [nurulfikrah091@gmail.com](mailto:nurulfikrah091@gmail.com)  
**DISEMAK OLEH:** DR MUHAMMAD ZUHAIR ZAINAL

**TARIKH PENGHANTARAN:**

## **1.0 PENGENALAN**

### **TAJUK: SI TANGGANG**

#### **SINOPSIS:**

Kisah ini menceritakan kisah mengenai seorang pemuda yang bernama Tanggang. Tanggang tinggal bersama emaknya, Mak Undang dan kakaknya, Kesum di negeri Salak Tiga. Pada suatu hari, Tanggang telah menyuarakan hasratnya untuk merantau di negeri Pasir Berdengung. Hasratnya itu tidak dipersetujui oleh Mak Undang dan Kesum kerana mereka risau akan pemergiaan Tanggang di perantauan. Namun begitu, Mak Undang dan Kesum dengan berat hati telah membenarkan Tanggang pergi. Pemuda tersebut telah memulakan perjalannya. Namun begitu, sebelum sempat dia tiba di negeri Pasir Berdengung, Tanggang telah bertemu dengan Nakhoda kapal dan diterima bekerja sebagai anak kapal. Setelah berpuluhan purnama dia berada di atas kapal, dia telah diberi kepercayaan oleh nakhoda kapal untuk menggantikan tempatnya. Selain itu, nakhoda juga meminta Tanggang untuk mengahwini anak tunggalnya yang bernama Soraya. Selepas itu, Tanggang pun pulang ke rumah untuk memberitahu khabar pernikahannya tetapi tidak dipersetujui Mak Undaang.

Projek pementasan teater bagi kursus Kemahiran Komunikasi dan Interpersonal untuk Guru (PGT 203) diadakan pada setiap semester yang melibatkan mahasiswa dan mahasiswi dari Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP). Pementasan teater pada kali ini membawa tema lagenda dan juga mitos. Menurut sejarah, Yunani dan India merupakan antara Negara terawal bermulanya sejarah teater dunia yang kemunculannya berkait rapat dengan struktur kehidupan masyarakat setempat di Negara tersebut. Teater merupakan satu cabang seni persembahan yang menggunakan kombinasi lakonan (gerak badan, dialog dan juga mimik muka), muzik, tarian, bunyian, pencahayaan, hiasan pentas, kostum dan lain-lain lagi.

Oleh itu, persembahan yang dijalankan ini diharap dapat memberi pengajaran kepada semua penonton dengan adanya pelbagai elemen-elemen yang boleh dipelajari dalam kisah yang kami persembahkan melalui kisah SI TANGGANG.

## **2.0 KEKUATAN PROJEK**

Kekuatan projek ini dapat dilihat pada komunikasi yang dilakukan antara mahasiswa dan mahasiswi dengan penyelaras projek PGT203. Maklumat dapat disampaikan secara berhubung antara ahli kumpulan dan juga penyelaras projek. Selain itu, penyelaras projek telah memberi sepenuh bimbingan dan dorongan terhadap tugas yang perlu diselesaikan pada kali ini. Dalam tugas kali ini, penyelaras projek mengajar kami bagaimana untuk melakukan komunikasi yang berkesan demi mendapat impak positif dalam projek yang hendak dijalankan pada kali ini. Pendek kata, tanpa pertolongan dan tunjuk ajar dari Dr Muhammad Zuhair, kami tidak dapat menyudahkan gerak kerja kami.

Seterusnya, projek ini telah mengajar kami untuk membina pengetahuan baru dan pengetahuan am dalam diri tentang kepentingan seorang bakal guru untuk mempelajari bidang lakonan agar ia dapat dipraktikkan ketika proses pengajaran dan pembelajaran agar dapat menarik minat pelajar untuk mendengar. Kreativiti dalam diri bakal pendidik juga dapat dibina dengan adanya projek ini.

Projek pementasan ini menjadikan pelajar lebih kerap berkomunikasi dan berbincang sesama rakan dalam kumpulan. Projek ini telah memberi pengalaman kepada bakal pendidik untuk merancang dan melaksanakan projek pementasan teater bermula daripada sebelum pelaksanaan, semasa pelaksanaan dan selepas pelaksanaan projek. Contohnya dari penghasilan kertas kerja, perbincangan dengan penyelaras subjek dan juga ahli kumpulan. Hal ini dilakukan demi mencapai kata sepakat. Selain itu, kami juga dapat belajar mencari sumber kewangan, membahagikan tugas, merancang masa dan sebagainya yang berkaitan pengurusan sesuatu aktiviti projek untuk kami jadikan ilmu dan juga satu elemen positif untuk projek pada masa akan datang.

Pengalaman yang ditimba ini akan mematangkan kita dalam projek lain dan menjadikan kami lebih bersikap rasional dalam menjalankan tugas. Di samping itu, projek ini telah memberi peluang kepada kami untuk mengaplikasikan ilmu teori yang dipelajari di dalam situasi sebenar di sekolah. Oleh itu, ilmu yang dipelajari tidaklah bersifat sia-sia kerana berlakunya perkongsian antara satu pihak dengan pihak yang lain.

Kesimpulannya, dengan segala kekuatan yang ada sewaktu tugas dijalankan, kami dapat melakukan projek Pementasan Teater dengan jayanya ditambah pula dengan sokongan dari penyelaras projek, ahli-ahli kumpulan, pihak juri dan juga warga USM yang terlibat secara langsung atau tidak langsung memberi lebih lagi impak positif kepada projek tersebut

### **3.0 KELEMAHAN PROJEK**

Antara kelemahan projek Pementasan yang dijalankan dapat saya senaraikan secara pendek bermula dari perjumpaan pertama ahli kumpulan teater sehingganlah pementasan dijalankan pada 27 April. Kelemahan yang dapat dikenal pasti ialah kelemahan diri diri saya sendiri iaitu tidak banyak dalam menyumbangkan idea-idea untuk penulisan skrip drama dalam kumpulan kami. Hal ini sedemikian kerana, saya masih tidak memahami unsur Mitos yang perlu dibawakan dalam lakonan pada ketika itu.

Kelemahan seterusnya ialah dari segi masa. Hal ini kerana, terdapat individu dalam kumpulan teater tidak dapat memenuhi perbincangan dan tutorial yang diadakan mengikut masa yang ditetapkan. Bertitik tolak daripada itu, banyak perkara yang ingin dibincangkan tidak dapat diutarakan kerana masa yang tidak mencukupi. Kelewatan dari individu seperti ini telah mengakibatkan ahli kumpulan yang lain terpaksa menunggu ahlinya yang hadir lewat bagi memulakan perbincangan.

Selain itu, komitmen tidak diberikan dengan baik ketika kelas teater yang dijalankan. Hal ini dapat dibuktikan dalam awal pemilihan pelakon-pelakon untuk pementasan teater. Ramai individu yang menolak untuk memegang watak dalam lakonan sedangkan perkara seperti ini membantu mereka menimba ilmu baharu dan juga dapat meningkatkan kemahiran komunikasi mereka sebagai bakal pendidik. Mereka sepatutnya mengambil peluang untuk memegang watak dan juga kerja-kerja penting seperti pengurusan prop dan multimedia. Seperti yang kita ketahui, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, mahukan guru yang produktif dan efisyen selaras dengan Pendidikan Alaf 21 (PAK21) yang dibawakan kerajaan Malaysia untuk melahirkan anak bangsa yang berjaya dan cemerlang dalam kehidupan.

Disamping itu, sikap tidak bersungguh-sungguh ketika latihan lakonan dijalankan juga merupakan kelemahan projek pementasan teater dalam kumpulan kami. Perkara seperti ini perlulah dielakkan agar mahasiswa dan mahasiswi yang mengambil bahagian dalam pementasan teater dapat menyampaikan persembahan dengan baik. Selain itu, setiap ahli kumpulan perlu mempunyai interaksi antara satu dengan yang lain kerana komunikasi ini penting bagi membentuk karakter dalam diri setiap pelakon.

Tambahan pula, berlakunya ketidaklancaran raptai yang dijalankan sehari sebelum Pementasan Teater. Raptai telah dijalankan tidak mengikut masa yang ditetapkan iaitu pada awalnya mengikut tentatif yang ditetapkan raptai penuh dijalankan pada pukul 4 petang hingga 6 petang. Namun begitu, waktu ini telah diubah kepada 6 petang hingga 11 malam.

Masalah-masalah seperti ini seharusnya dielakkan kerana mengganggu latihan setiap kumpulan dan berlakunya pembaziran masa. Hal seperti ini, tidak mungkin berlaku sekiranya perancangan awal sudah dibuat secara teliti. Setiap individu yang ingin membuat sebarang program perlulah membuat jangkaan awal tentang perkara yang berlaku hari kejadian dan bukan sekadar membuat tentatif tanpa membuat perincian terhadap masalah-masalah yang mempunyai kebarangkalian untuk berlaku.

Sementelahan, mesej tidak dapat disampaikan dengan berkesan kerana komunikasi tidak berlaku dengan baik antara satu dengan yang lain juga merupakan antara kelemahan utama projek pementasan teater. Saya dapat meneliti bahawa terdapat banyak percanggahan maklumat antara Majlis Tertinggi (MT) Teater dengan ketua kumpulan. Hai ini menyebabkan, setiap ahli kumpulan memahami perkara yang berbeza.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai langkah untuk mengatasi semester ini agar tidak berlaku lagi di semester-semester lain. Oleh itu, semua pihak perlulah bekerjasama dengan semua pihak agar segala kelemahan dapat ditampung dengan baik. Untuk mengatasi kelemahan-kelemahan di atas, terdapat cadangan penambahbaikan yang sesuai untuk dilakukan. Kita perlulah memikirkan strategi yang memudahkan kelancaran projek pementasan Teater pada masa akan datang. Di samping itu, arahan yang perlu diberikan juga haruslah jelas, tepat dan padat agar semua pihak dapat membuat kerja mengikut arahan yang diberikan dengan lebih efisyen.

#### **4.0 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN**

Sebagai penambahbaikan untuk projek Pementasan Teater yang seterusnya bagi kursus Kemahiran Komunikasi dan Interpersonal Untuk Guru (PGT203), kami telah mengkaji beberapa aspek yang perlu diperbaiki.

Selain itu, pihak Majlis Tertinggi Projek yang dilantik seharusnya berusaha secara bersungguh-sungguh untuk mendapatkan Dewan Budaya yang boleh dijadikan tempat pementasan pada hari kejadian. Hal ini demikian kerana, Dewan Budaya menyediakan banyak kemudahan seperti kemudahan pencahayaan yang pelbagai, ruangan pentas yang lebih besar dan elegan, tempat duduk penonton yang lebih selesa. Pendek kata, ruangan yang terdapat dalam Dewan Budaya lebih kondusif berbanding dengan Dewan Kuliah U.

Bertitik tolak dengan pemilihan tempat teater, pelajar semestinya lebih bersemangat untuk menjalankan latihan kerana mereka tahu mereka bakal membuat persembahan di tempat yang hebat. Oleh itu, semua pihak haruslah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mendapat tempat di Dewan Budaya untuk pementasan teater yang seterusnya pada semester datang kerana sememangnya dewan tersebut disediakan untuk kemudahan pelajar dari Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP).

Seterusnya, setiap ahli kumpulan perlulah diberi giliran untuk membuat latihan di pentas persembahan agar setiap pelakon dalam setiap kumpulan dapat menjayakan watak masing-masing dengan baik kerana mereka perlu mengetahui ruang di pentas tersebut. Menurut teknik-teknik yang digunakan dalam pementasan teater terdapat satu teknik yang melibatkan penggunaan ruang pentas yang dikenali sebagai Teknik Latihan Ruang dan '*Runthrough*' Lakonan Persembahan.

Teknik ini ada diperkenalkan di sesetengah universiti dimana teknik ini memerlukan semua pelakon sudah berjaya menghafal kesemua skrip yang perlu dibawakannya, pelakon juga perlulah sudah memahami gerak laku atau lakonan yang akan dimainkan di atas pentas yang disediakan dengan ruang yang ada. Pada masa inilah, setiap pelakon dapat mengembangkan daya kreativiti masing-masing. Oleh itu, setiap kumpulan selayaknya mendapat giliran untuk membuat persembahan di pentas persembahan agar ketika persembahan teater dapat dijalankan dengan baik.

Akhir sekali ialah, raptai perlu dijalankan dengan lebih awal dan kehadiran ketika raptai perlu diambil. Hal ini bagi mengelakkan sebarang kelewatan dan kekusutan di akhir waktu yang menyebabkan banyak masalah yang berlaku terutama isu yang berkaitan masalah teknikal seperti teknik pencahayaan dan multimedia. Berkenaan dengan kehadiran pula, setiap ahli kumpulan perlu menghadirinya termasuk kru produksi teater sama ada, jurulampu, pengurusan prop, pengarah dan penulis skrip, dan semua yang telibat secara langsung dan tidak langsung turut perlu membuat raptai penuh sehari sebelum pementasan teater diadakan.

Kesimpulannya, semua masalah ini mempunyai jalan penyelesaiannya dan setiap cadangan yang dikemukakan diharap dapat diberi perhatian agar pementasan teater pada semester-seterusnya dapat dijalankan dengan lebih baik. Oleh itu, kita dapat melihat anjakan paradigma yang dilakukan dalam kursus Kemahiran Komunikasi Dan Interpersonal Untuk Guru (PGT203).

## **5.0 GAMBAR AKTIVITI**



**FOTO 1:** Persediaan untuk Trailer Si Tanggang



**FOTO 2:** Semasa Persembahan



**FOTO 3:** Selepas Persembahan

## **6.0 REFLEKSI DIRI**

Pertama sekali saya ingin melafazkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga kerana saya dapat menyiapkan tugas PGT203 iaitu pelaksanaan projek Pementasan Teater yang membawa tema Mitos. Projek kami berlangsung di Dewan Kuliah U. Projek ini merupakan projek yang memberikan saya banyak pengalaman dan mampu mempersiapkan diri saya sebagai seorang pendidik kelak.

Antara pengalaman yang saya dapat saya perolehi ialah projek ini mampu memberi latihan kepada diri sendiri untuk berkomunikasi dengan pelbagai pihak. Bagaimana saya perlu membina satu komunikasi yang berkesan agar kami semua dapat mencapai kelangsungan projek pada hari yang telah ditetapkan. Hal ini kerana, tugas yang diberi memerlukan kemahiran komunikasi yang tinggi untuk mencapai objektif projek. Selain itu, dengan komunikasi saya juga dapat mengurangkan rasa gugup apabila berhadapan dengan pihak lain. Seperti yang diketahui, dalam bidang perguruan ini, kita perlu membuang rasa gugup dan malu apabila berada di hadapan. Bertitik tolak daripada latihan komunikasi ini, saya dapat melatih diri saya sebagai seorang pendidik yang baik dan mempunyai pelbagai kebolehan diri.

Selain itu, saya juga mendapat peluang untuk merasai pengalaman sebagai pelakon di pentas pementasan. Perkara ini cukup memberi saya banyak pengalaman dan kesedaran kepada saya. Saya sedar bahawa bukan senang untuk menjadi seorang pelakon yang hebat terutama kepada mereka yang memegang watak antagonis dan watak baik kerana setiap pelakon perlu menjiwai lakonan untuk menjadikan persembahan teater sebagai satu persembahan yang realistik kepada penonton dan juri-juri.

Secara keseluruhannya, saya amat berpuas hati dengan projek pementasan teater walaupun gerak kerja agak tidak tersusun dan ketidaktelusan maklumat serta salah faham yang berlaku antara ahli kumpulan namun semua perkara ini dapat diselesaikan dengan baik dan projek dapat dijalankan dengan jayanya.

Kesimpulannya, projek pementasan teater ini memberi pencapaian pertama kepada saya dalam bidang lakonan dan juga pengalaman bermakna buat saya sebagai pelakon. Tanggungjawab yang diletakkan di bahu saya ini, saya mencuba untuk menggalas tanggungjawab yang diberikan dengan sebaiknya. Kepincangan yang berlaku diharapkan tidak diulangi lagi. Sekian, terima kasih.

## Respondan 1

‘AINUL BASYIRAH BINTI ZAINUDDIN (141470)

Saya mengucapkan terima kasih kepada pensyarah kursus ini kerana memberi peluang untuk membuat pementasan teater yang bertemakan cerita rakyat lagenda dan mitos di Malaysia. Pementasan teater kami tentang Mahsuri. Pementasan teater bertujuan untuk memberi pendedahan kepada bakal-bakal guru tentang kemahiran komunikasi mengikut dari aspek berbeza iaitu aspek pementasan drama teater. Secara tidak langsung, penglibatan mahasiswa dan mahasiswi yang mengambil kursus ini dapat mengaplikasikan kemahiran komunikasi yang dipelajari semasa kuliah dan tutorial. Ini sangat membantu saya meningkatkan kemahiran komunikasi.

Seterusnya, pementasan teater dapat mengasah bakat para pelajar dalam mempersesembahkan sebuah pementasan teater yang baik. Kami perlu menghayati perwatakan watak sebaik mungkin demi melancarkan proses pementasan sama ada sebelum, semasa maupun selepas pementasan. Ini dapat mencungkil kemahiran dan bakat saya dan ahli kumpulan terutamanya dalam menghasilkan props yang menarik dan bersesuaian.

Di samping itu, saya bersyukur kerana dapat bekerjasama dengan ahli kumpulan saya memandangkan kami mempunyai persefahaman yang baik setelah lama mengenali diri masing-masing sepanjang kelas kuliah, tutorial, latihan teater dan projek di sekolah. Justeru, kami telah berjaya mendapatkan anugerah kumpulan terbaik dan poster terbaik hasil daripada kerja kuat dan kesabaran setiap ahli kumpulan sepanjang proses persediaan dan pementasan teter Mahsuri.

Kesimpulannya, saya dapat mengendalikan cabaran dengan bantuan dan nasihat ahli kumpulan serta tunjuk ajar oleh mereka yang lebih mahir dalam pementasan teater ini.

## Respondan 2

JUDY FONG MEI FENN (143464)

Saya Judy Fong Mei Fenn (143464) dengan besar hati ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ahli-ahli kumpulan saya iaitu kumpulan 6 atas usaha yang gigih untuk menjayakan projek ini. Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah PGT 203 yang sudi menjalankan kuliah pada waktu malam.

Projek Pementasan Drama Pendek yang dijalankan ini sememangnya telah banyak mengajar saya tentang kemahiran terutamanya kemahiran berkomunikasi. Pada awalnya, agak sukar bagi saya untuk berkomunikasi dengan ahli-ahli kumpulan saya kerana saya merupakan pelajar tahun pertama. Jadi, bagi menjayakan projek ini seharunya saya perlu berkomunikasi dengan ahli-ahli kumpulan saya untuk berbincang dan memberikan idea-idea baharu. Sebagai bakal seorang guru pendidikan khas, hal ini jelas menunjukkan bahawa komunikasi yang efektif adalah sangat penting untuk menyampaikan mesej secara tepat dan bernes. Saya juga difahamkan bahawa jika tiada perancangan yang bijak sudah tentu projek ini tidak akan berjaya. Pengajaran yang diperoleh adalah betapa pentingnya kesabaran, toleransi dan kerjasama dalam kumpulan dan memang tidak boleh dinafikan bahawa nilai-nilai adalah sangat penting untuk menyediakan saya ke alam bekerja.

Secara tidak langsung, Projek Pementasan Drama Pendek ini telah berjaya menerapkan sikap ingin tahu tentang lagu-lagu klasik yang telah digunakan dalam pementasan drama pendek kumpulan kami. Contohnya, lagu-lagu Tan Sri P. Ramlee dan Saloma yang telah digunakan sepanjang pementasan drama pendek kami. Tanpa disedari, apreasiasi saya terhadap lagu-lagu klasik ini meningkat kerana ini merupakan kali pertama saya terdedah secara mendalam tentang lagu-lagu klasik ini. Projek ini turut memberi saya pendedahan yang baharu mengenai kostum-kostum Melayu zaman dahulu dan juga bahasa klasik lama yang digunakan dalam pementasan drama kami.

Kesimpulannya, kenangan pahit manis dan konflik antara satu sama lain itu ada untuk mengingati kita bahawa jika tidak dipecahkan ruyung mana dapat sagunya. Oleh itu, kegigihan dan usaha yang berterusan adalah sangat penting. Walau bagaimanapun, terdapat juga gerak kerja kita yang agak tidak tersusun. Mungkin kerana ini kali pertama kami melakukannya dan ini merupakan luar daripada zon selesa kita semua. Namun demikian, tugas yang diberikan ini telah memberikan pengalaman yang baharu kepada saya.

### Respondan 3

#### RABIATUL AQILA BINTI ROZIN (136489)

Perkara yang paling utama sekali yang telah saya pelajari dalam menghasilkan pementasan teater ini ialah bagaimana untuk bekerjasama dan bertolenrasi dalam kumpulan. Ianya bukanlah sesuatu yang mudah untuk bekerjasama dan berkongsi idea dengan ahli-ahli kumpulan lain yang saya tidak berapa kenali pada awalnya. Tambahan pula, saya diberikan kepercayaan untuk menjadi pengarah bagi pementasan teater kumpulan kami. Pada awalnya saya agak risau sekiranya saya tidak dapat menjadi pengarah yang terbaik untuk kumpulan kami namun rakan-rakan lain yang berpengalaman sentiasa membantu dan memberikan tunjuk ajar. Setiap ahli kumpulan saya memberikan komitmen yang tinggi bukan sahaja semasa latihan teater namun juga semasa kami menguruskan hal-hal berkaitan dengan Teknikal dan Fizikal. Setiap ahli kumpulan sangat bertolenrasi dalam menyelesaikan tugas yang diberikan oleh Ketua Teater.

Seterusnya, perkara berkaitan pementasan teater ini adalah sesuatu yang baru bagi saya. Saya tidak pernah melibatkan diri, dan menonton pementasan teater sepanjang hidup saya. Apabila kursus ini memerlukan kami untuk melakukan pementasan teater sebagai markah kerja kursus, banyak yang telah saya pelajari berkaitan dengan teater. Antara perkara yang telah saya pelajari ialah kedudukan yang betul semasa atas pentas, teknik lantunan suara dan pelbagai lagi. Pementasan teater ini sememangnya telah memantu dalam meningkatkan kemahiran interpersonal seseorang kerana melalui pementasan teater ini kita perlu bekerjasama dengan orang lain dan kita perlu bercakap di hadapan orang ramai.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli kumpulan saya yang telah banyak membantu dan memberikan komitmen yang tinggi dalam memastikan kelancaran pementasan teater kami. Saya juga amat bersyukur kerana pementasan teater ini bukan sahaja telah membantu saya untuk meningkatkan kemahiran interpersonal diri saya namun saya juga dapat berkenalan dengan lebih banyak rakan daripada kursus yang lain.